

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak mengingatkan kakitangan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) UUM agar sentiasa memahami hala tuju universiti ini.

"Perbincangan yang kerap dan selalu bermesyuarat mampu meningkatkan keberkesanan organisasi," katanya.

Beliau turut mengingatkan kakitangan JPP serta hadirin untuk menjauhi amalan negatif terutama amalan rasuah yang boleh menghancurkan keharmonian sesebuah institusi.

Beliau menggesa kakitangan JPP untuk sama-sama membuka buku baru dengan mencipta keberkatan baru iaitu dengan cara menolak segala amalan yang tidak beretika demi tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.

Dalam ucapan yang sama, beliau turut menegaskan bahawa JPP mempunyai tugas yang lebih penting terutama dalam usaha menjana kewangan universiti ini.

Kakitangan JPP perlu mempunyai inisiatif untuk menjana kewangan universiti kerana UUM mempunyai potensi besar untuk tujuan ini terutama bagi aktiviti-aktiviti rekreasi.

Beliau memberi contoh bahawa pendapatan dari aktiviti sungai Melaka kini boleh mencecah sehingga RM500,000 sebulan.

Justeru, kakitangan UUM juga seharusnya lebih bekerja keras dalam usaha menaiktaraf sungai di universiti ini agar pelbagai aktiviti rekreasi seperti berkayak dan memancing boleh dianjurkan kembali.

Prof Datuk Mohamed Mustafa turut mencadangkan pengubahsuaian hutan Sintok yang terletak di dalam kampus UUM menjadi hutan lipur kerana selain daripada aktiviti rekreasi, hutan lipur juga sangat menarik sekiranya diadakan pelbagai aktiviti sukan lasak dan sukan bermotor.

Beliau berkata demikian di hadapan hampir 212 kakitangan JPP dalam majlis perjumpaan Naib Canselor bersama staf JPP, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Saleh, Pemangku Pendaftar Mohamad Akhir Yusuf, Pengarah Canselori Baharudin Yaacob dan pegawai-pegawai kanan universiti.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my